**Akaun 360**

**Nama Produk: Akaun 360 OCBC**

**Apakah Akaun 360 OCBC?**
Akaun simpanan yang memberi ganjaran untuk aktiviti perbankan anda

| **Kelayakan** | |
|---|---|
| **Umur** | 18 tahun dan ke atas (untuk akaun individu atau bersama) |
| **Warganegara** | Warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap dan Bukan Pemastautin (tertakluk kepada negara asal anda) |
| **Dokumen yang Diperlukan** | Kad Pengenalan atau Pasport |
| **Deposit Permulaan Minimum** | RM500 |
| **Baki Minimum untuk Mengekalkan Akaun** | RM20<br>Sebarang transaksi yang menyebabkan baki tinggal kurang daripada baki minimum akan ditolak. |
| **Kadar Faedah** | |
| **Faedah Asas** | Anda akan mendapat faedah asas untuk keseluruhan baki akaun pada kadar lazim ("Kadar Lazim") dikira setiap hari dan dikreditkan ke dalam Akaun 360 OCBC pada akhir bulan ("Faedah Asas") pada kadar yang ditentukan oleh OCBC Bank dari semasa ke semasa.<br>Kadar Lazim (setahun)* : 0.10%<br>**Ini adalah Kadar Lazim pada 10 Mei 2023. Kadar Lazim boleh disemak semula dari semasa ke semasa, kadar terkini boleh didapati di laman web OCBC Bank Malaysia* |
| **Faedah Bonus** | Jika anda memenuhi semua syarat berikut dalam satu bulan kalendar:<br>(a) kategori "Deposit" mengikut kepuasan OCBC Bank, anda akan menerima faedah bonus sebanyak 1.05%* setahun untuk kategori "Deposit" pada kadar yang berkaitan; dan/atau<br>(b) kategori "Pembayaran" mengikut kepuasan OCBC Bank, anda akan menerima faedah bonus sebanyak 1.05%* setahun untuk kategori "Pembayaran" pada kadar yang berkaitan; dan/atau<br>(c) kategori "Perbelanjaan" mengikut kepuasan OCBC Bank, anda akan menerima faedah bonus sebanyak 1.05%* setahun untuk kategori "Perbelanjaan" pada kadar yang berkaitan ke atas baki harian purata sehingga RM100,000 ("Baki Purata Maximum") untuk bulan kalendar tersebut ("Faedah Bonus"). Sila baca terma dan syarat Akaun 360 OCBC (tertera di laman web OCBC Malaysia atau anda boleh meminta salinan daripada mana-mana cawangan OCBC) untuk mengetahui lebih lanjut cara-cara untuk memperoleh Faedah Bonus.<br>**Ini adalah Kadar Bonus pada 10 Mei 2023. Kadar Bonus boleh disemak semula dari semasa ke semasa, kadar terkini boleh didapati di laman web OCBC Bank Malaysia* |

**Illustrasi untuk Faedah Bonus**

**Senario A**

Pelanggan A mempunyai sebanyak RM50,000 di dalam Akaun 360 OCBC pada 1 Mei

<table>
<tr><th>Tarikh</th><th>Butir</th><th>Faedah Bonus</th></tr>
<tr><td>5 Mei</td><td>Pelanggan A deposit RM200 ke dalam Akaun 360 OCBC</td><td rowspan="3">Baki harian purata untuk bulan Mei#<br>= [4(RM50,000)+11(RM50,200)+9(RM50,500)+ 7(RM350,500)]÷31<br>= RM118,070.97<br><br>Faedah bonus bulan Mei<br>= RM100,000 x 1.05%p.a. x 31 ÷ 365<br>= RM89.17<br>#Baki harian purata = jumlah baki setiap hari untuk bulan kalendar tersebut kemudian dibahagikan dengan jumlah hari pada bulan kalendar tersebut<br>*Kadar Faedah Bonus yang akan anda perolehi ditentukan transaksi bulanan yang layak dengan Akaun 360 OCBC dan Kadar Faedah Bonus dikira di akhir bulan dengan menggunakan kadar terkini pada waktu Faedah Bonus dikira.</td></tr>
<tr><td>16 Mei</td><td>Pelanggan A deposit RM300 ke dalam Akaun 360 OCBC</td></tr>
<tr><td>25 Mei</td><td>Pelanggan A deposit RM300,000 ke dalam Akaun 360 OCBC</td></tr>
</table>

Penjelasan:
Oleh kerana Pelanggan A memenuhi syarat bagi kategori "Deposit" di dalam bulan Mei, beliau memperoleh Bonus Faedah 1.05% setahun ke atas baki purata harian sehingga RM100,000

V22/Ogos2023

OCBC Bank (Malaysia) Berhad 199401009721 (295400-W)

MEMBER / AHLI PIDM

sahaja (walaupun baki purata harian beliau adalah RM118,070.97) bagi bulan Mei iaitu RM89.17. Jika Pelanggan A tidak membuat sebarang transaksi pada bulan kalendar hadapan iaitu Jun, maka beliau hanya akan memperoleh Faedah Asas pada Kadar Lazim untuk keseluruhan baki akaun iaitu RM350,500, dan beliau tidak akan memperoleh Faedah Bonus pada Jun.

**Senario B**

Pelanggan B mempunyai sebanyak RM1,000 di dalam Akaun 360 pada 1 Jun

<table>
<tr><th>Tarikh</th><th>Butir</th><th>Faedah Bonus</th></tr>
<tr><td>2 Jun</td><td>Pelanggan B membelanja RM600 untuk pembelian di pusat membeli belah menggunakan kad kredit OCBC</td><td rowspan="3">Baki harian purata untuk bulan Jun#<br>= [6(1,000) +5(RM101,000)+19(RM98,500)]÷30<br>= RM79,416.67<br><br>(1) “Perbelanjaan” Faedah bonus bulan Jun<br>= RM79,416.67x 1.05%p.a. x 30 ÷ 365<br>= RM68.53<br><br>(2) “Deposit” Faedah bonus bulan Jun<br>= RM79,416.67x 1.05%p.a. x 30 ÷ 365<br>= RM68.53<br><br>Jumlah Faedah bonus bulan Jun<br>= RM68.53 + RM68.53<br>= RM137.06<br><br>#Baki harian purata = jumlah baki setiap hari untuk bulan kalendar tersebut kemudian dibahagikan dengan jumlah hari pada bulan kalendar tersebut<br>*Kadar Faedah Bonus yang akan anda perolehi ditentukan transaksi bulanan yang layak dengan Akaun 360 OCBC dan Kadar Faedah Bonus dikira di akhir bulan dengan menggunakan kadar terkini pada waktu Faedah Bonus dikira.</td></tr>
<tr><td>7 Jun</td><td>Pelanggan B deposit RM100,000 ke dalam Akaun 360 OCBC</td></tr>
<tr><td>12 Jun</td><td>Pelanggan B membayar RM2,500 daripada Akaun 360 OCBC untuk pinjaman perumahan OCBC menggunakan arahan tetap</td></tr>
</table>

Penjelasan:
Pelanggan B memenuhi syarat bagi kategori “Perbelanjaan” dan “Deposit” dalam bulan Jun (beliau tidak memenuhi syarat kategori “Pembayaran” kerana beliau hanya membuat 1 pembayaran bil berbanding dengan sekurang-kurangnya 3 sepertimana yang disyaratkan). Oleh itu beliau memperoleh Faedah Bonus 2.10% setahun sebanyak RM137.06 untuk bulan Jun bagi baki purata harian RM79,416.67. Jika Pelanggan B tidak membuat sebarang transaksi pada bulan kalendar hadapan iaitu Julai, kecuali membayar bil kad kredit OCBC untuk bulan Jun melalui Perbankan Internet OCBC dan arahan tetap untuk bayaran balik pembiayaan perumahan OCBC beliau (beliau tidak memenuhi syarat bagi kategori “Pembayaran Bil” dengan hanya membuat dua pembayaran bil sahaja), maka beliau tidak akan memperoleh Faedah Bonus di dalam bulan Julai.

**Senario C**

Pelanggan C mempunyai sebanyak RM50,000 di dalam Akaun 360 OCBC pada 1 Mei

<table>
<tr><th>Tarikh</th><th>Butir</th><th>Faedah Bonus</th></tr>
<tr><td>3 Mei</td><td>Pelanggan C membelanja RM300 untuk pembelian di pusat membeli belah menggunakan kad kredit OCBC</td><td rowspan="2">Baki harian purata untuk bulan Mei#<br>= [14(RM50,000)+7(RM49,750)+2(RM49,450)+8(RM48,450)]÷31<br>= RM49,508.06<br><br>(1) “Pembayaran” Faedah bonus bulan Mei<br>= RM49,508.06 x 1.05%p.a. x 31 ÷ 365<br>= RM44.15<br><br>(2) “Perbelanjaraan” Faedah bonus bulan Mei<br>= RM49,508.06 x 1.05%p.a. x 31 ÷ 365</td></tr>
<tr><td>15 Mei</td><td>Pelanggan C membelanja RM250 untuk pembelian di pasaraya menggunakan kad debit OCBC</td></tr>
</table>

V22/Ogos2023
OCBC Bank (Malaysia) Berhad 199401009721 (295400-W)

<table>
<tr><td></td><td>
<table>
<tr><td>22 Mei</td><td>Pelanggan C membayar RM300 melalui JomPay untuk bil Unifi dan TNB menggunakan Akaun 360 OCBC</td><td rowspan="2">= RM44.15<br><br>Jumlah Faedah bonus bulan Mei<br>= RM44.15+ RM44.15<br>= RM88.30<br><br>#Baki harian purata = jumlah baki setiap hari untuk bulan kalendar tersebut kemudian dibahagikan dengan jumlah hari pada bulan kalendar tersebut<br>*Kadar Faedah Bonus yang akan anda perolehi ditentukan transaksi bulanan yang layak dengan Akaun 360 OCBC dan Kadar Faedah Bonus dikira di akhir bulan dengan menggunakan kadar terkini pada waktu Faedah Bonus dikira.</td></tr>
<tr><td>24 Mei</td><td>Pelanggan C membayar ansuran bulanan keretanya sebanyak RM1,000 di bank lain melalui interbank Giro menggunakan Akaun 360 OCBC</td></tr>
</table>
<br>
Penjelasan:<br>
Pelanggan C memenuhi syarat bagi kategori “Pembayaran” dan “Perbelanjaan” dalam bulan Mei. Oleh itu, beliau memperoleh Keuntungan Bonus 2.10% setahun sebanyak RM88.30 untuk bulan Mei bagi baki purata harian RM49,508.06. Jika Pelanggan C tidak membuat sebarang transaksi pada bulan kalendar hadapan iaitu Jun, maka beliau tidak akan memperoleh Faedah Bonus pada Jun.
</td></tr>
<tr><td>Pengiraan Faedah Sekiranya Akaun Ditutup</td><td>Sekiranya penutupan akaun berlaku, maka Kadar Lazim akan digunakan untuk mengira faedah harian terakru ke atas baki sehingga hari sebelum akaun ditutup bagi bulan kalendar dan tiada Faedah Bonus akan dibayar untuk Akaun tersebut.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Terma Lain</td><td>Anda hanya boleh membuka SATU Akaun 360 OCBC, sama ada atas nama sendiri atau nama bersama. Sekiranya, untuk sebarang sebab, anda mempunyai lebih daripada satu Akaun 360 OCBC yang layak untuk Faedah Bonus, hanya SATU akaun akan dibayar Faedah Bonus mengikut a) amaun Faedah Bonus tertinggi; atau b) akaun dengan nombor akaun yang terbesar apabila Faedah Bonus bagi beberapa Akaun 360 OCBC adalah sama.<br>Sementara itu, Akaun 360 OCBC yang lain hanya akan memperoleh Faedah Asas dan bukan Faedah Bonus.</td></tr>
<tr><td>Akaun yang tidak mempunyai apa-apa baki secara berterusan selama 90 hari akan ditutup. OCBC akan memaklumkan anda melalui SMS atau apa-apa cara lain yang sesuai sebelum penutupan akaun. Pengaktifan semula akaun yang ditutup dalam tempoh 3 bulan dari tarikh penutupan akaun adalah atas budi bicara tunggal OCBC.</td></tr>
<tr><td colspan="2">Ciri-ciri dan Manfaat</td></tr>
<tr><td>Penyata Akaun</td><td>Akaun anda didatangkan dengan penyata elektronik secara asal yang boleh didapati di Perbankan Online OCBC dan/atau dihantar ke alamat e-mel anda. Penyata bercetak hanya akan dihantar kepada anda setiap bulan atas permintaan.<br><br>Caj RM10.00 sebulan akan dikenakan dengan setiap permohonan penyata tambahan.</td></tr>
<tr><td>Perlindungan Simpanan</td><td>Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.<br><br>Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada risalah maklumat PIDM yang boleh didapati di kaunter kami atau layari laman web PIDM.</td></tr>
<tr><td>Pengendalian Akaun Dorman</td><td>Mana-mana akaun simpanan atau akaun semasa yang tiada aktiviti selama 1 tahun atau lebih dari tarikh transaksi terakhir akan dikira sebagai akaun dorman di bawah Garis Panduan Rangkakerja Perkhidmatan Perbankan Asas oleh Bank Negara Malaysia.
<table>
<tr><td>Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00</td><td>Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.</td></tr>
<tr><td>Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00</td><td>Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah “Wang Yang Tak Dituntut”. Sila rujuk kepada bahagian “Polisi Wang Yang Tak Dituntut”</td></tr>
</table>
Untuk mengaktifkan semula akaun dorman, anda perlu melakukan transaksi simpanan atau pengeluaran melalui kaunter di mana-mana cawangan OCBC Bank (Malaysia) Berhad atau OCBC Al-Amin Bank Berhad dengan sendiri.</td></tr>
<tr><td>Polisi Wang Yang Tak Dituntut</td><td>Sila ambil perhatian bahawa mana-mana akaun dengan baki kredit tetapi kekal dorman selama tujuh (7) tahun atau lebih akan dipindahkan kepada “Wang Yang Tak Dituntut” selaras</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| | dengan Akta Wang Tak Dituntut 1965. |
| **Pengendalian Akaun Bersama** | • Akaun bersama ("Akaun") boleh dibuka untuk 2 individu atau lebih, yang berumur 18 tahun dan ke atas. Kad Pengenalan/Paspot diperlukan dengan setiap permohonan.<br>• Pemegang-pemegang Akaun adalah layak secara bersama ke atas sebarang baki simpanan atau kredit yang terdapat dalam Akaun.<br>• Semua arahan berhubung dengan Akaun, termasuk tanpa had berkaitan dengan pengendalian dan penutupan Akaun atau penggantungan atau penamatan perkhidmatan, pertukaran alamat, pegangan surat atau butiran lain tentang pemegang-pemegang Akaun yang didaftar dengan Bank atau sebarang maklumat lain, akan diberikan secara bertulis (atau dengan cara lain yang dibenarkan oleh OCBC Bank) oleh semua pemegang Akaun bersama, kecuali diarahkan sebaliknya melalui surat oleh semua pemegang Akaun bersama.<br>• Semua pemegang Akaun bersama mestilah bertanggungjawab secara bersama ke atas semua transaksi yang terbit daripada sesuatu arahan.<br>• Jika OCBC Bank menerima arahan yang bercanggah, sama ada daripada atau bukan daripada orang(-orang) yang dibenarkan, OCBC Bank boleh memilih untuk bertindak atas mandat yang diberi oleh semua pemegang Akaun bersama.<br>• Sebaik sahaja menerima notis kematian bagi salah seorang pemegang Akaun, OCBC Bank layak untuk membayar baki simpanan atau kredit seperti sewajarnya, kepada pemegang yang masih ada dan jika lebih daripada seorang pemegang dalam nama bersama, asalkan sebelum pembayaran dibuat, OCBC Bank layak untuk menolak sebarang hutang ditanggung oleh pemegang-pemegang Akaun bersama di bawah mana-mana Akaun dengan OCBC Bank dan/atau dengan mana-mana syarikat dalam Kumpulan OCBC daripada baki simpanan atau kredit tersebut.<br>• OCBC Bank boleh membenarkan pemegang(-pemegang) Akaun yang masih ada untuk meneruskan operasi Akaun tertakluk kepada keperluan Terma dan Syarat dikenakan oleh OCBC Bank yang dipenuhi. |

## Ringkasan Yuran dan Caj

| | |
|---|---|
| **Penutupan Awal**<br>• Dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pembukaan | RM20 |
| **Akaun Dorman**<br>Akaun akan dorman jika tiada sebarang aktiviti dalam masa 1 tahun atau lebih dari tarikh transaksi terakhir | Akaun dengan baki sehingga RM10.00:<br>Baki akan diserap dan akaun akan ditutup.<br><br>Akaun dengan baki melebihi RM10.00:<br>RM10.00 setahun sehingga tahun ke-7, baki (jika ada) akan diklasifikasikan sebagai "Wang Yang Tak Dituntut". |
| **Kad Debit**<br>• Yuran Pendaftaran (Yuran sekali bayar)<br>• Yuran Tahunan | <br>RM8.00<br>RM8.00 setahun |
| **Perkhidmatan Pengeluaran Tunai** | |
| • Pengeluaran dari mana-mana ATM luar negara yang tertera logo MasterCard | RM10.00 |
| • Pengeluaran dari ATM bank yang menyertai rangkaian ATM perkongsian MEPS | Sehingga RM1.00* untuk setiap transaksi (ditentukan oleh Institusi Kewangan yang memberikan perkhidmatan ATM) |
| • Pengeluaran dari ATM HSBC, UOB, Standard Chartered Bank (dalam Malaysia) | RM1.00 |
| • Pengeluaran dari mana-mana ATM di bawah kendalian kumpulan OCBC yang tertera logo OCBC di Malaysia, Singapura, Macau, Hong Kong dan Indonesia | Tiada Caj |
| Pemindahan Segera MEPS dari ATM MEPS | Tiada caj (untuk transaksi berjumlah RM5,000 dan ke bawah);<br>Yuran ditentukan oleh institusi kewangan yang menyediakan kemudahan ATM (bagi transaksi berjumlah RM5,000 ke atas) |
| Pemindahan Segera MEPS dari ATM OCBC | Tiada caj |

V22/Ogos2023
OCBC Bank (Malaysia) Berhad 199401009721 (295400-W)

| | |
|---|---|
| Yuran Penggantian Kad<br><br>Yuran Dapatan Semula Resit Jualan<br><br>Yuran Tukaran Luar Negara | RM12.00<br><br>RM15.00 untuk salinan asli<br>RM8.00 untuk salinan kedua<br><br>Kadar Tukaran sepertimana ditetapkan oleh VISA, MasterCard atau AMEX, ditambah apa-apa yuran pentadbiran yang dikenakan oleh VISA, MasterCard atau AMEX |
| Yuran dan Caj-caj Lain | Sila rujuk Personal Banking > Fees & Charges di laman web OCBC Malaysia untuk yuran dan caj-caj lain. |

| Maklumat Perhubungan | |
|---|---|
| **OCBC Bank (Malaysia) Berhad** | Untuk maklumat lanjut, pertanyaan atau maklum balas tentang produk dan perkhidmatan kami yang terkini, anda boleh menghubungi Pusat Perhubungan kami atau layari laman web kami (sila rujuk Customer Service Hotlines > Personal Banking di laman web OCBC Malaysia) atau kunjungi mana-mana cawangan OCBC Bank yang berhampiran anda.<br><br>Anda juga boleh menghubungi kami pada bila-bila masa untuk mengemaskini Maklumat Peribadi anda. Maklumat ini penting bagi kami dalam usaha untuk memberi anda perkhidmatan yang lebih baik. Sila maklum bahawa semua maklumat peribadi anda adalah sulit.<br><br>Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, hantarkannya secara bertulis kepada alamat berikut (sila rujuk Help & Support > The Dispute Resolution Process di laman web OCBC Malaysia):<br>**Service Transformation Department,**<br>OCBC Bank (Malaysia) Berhad,<br>Menara OCBC,<br>18 Jalan Tun Perak,<br>50050 Kuala Lumpur<br>Atau, sekiranya anda ingin mendapatkan pandangan pihak berkuasa tentang cara kami mengendalikan aduan, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan boleh dihubungi atau emel (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Ombudsman for Financial Services); atau Bank Negara Malaysia (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Bank Negara Malaysia). |
| **Bank Negara Malaysia** | Untuk pertanyaan lanjut tentang Produk Kewangan, sila layari<br>• Laman web MyCoverage<br><br>Anda juga boleh mengunjungi BNMLINK yang berhampiran atau hubungi BNMTELELINK (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Bank Negara Malaysia). |
| **Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)** | Hubungi talian hotline PIDM (boleh didapati dari Isnin hingga Jumaat mulai 8.30 pagi hingga 5.30 petang) atau emel kepada PIDM (sila rujuk Contact Us di laman web PIDM). |

Kenyataan: Lembaran Maklumat Produk ini adalah untuk tujuan maklumat semata-mata dan tidak mengandungi sebarang nasihat bagi mana-mana perkara yang dibincangkan. Semua maklumat dan bahan termasuk tentang perkhidmatan, produk, maklumat kewangan, data, teks atau perkara-perkara lain yang diberikan adalah seperti 'seadanya' dan 'boleh didapati' dan diberikan untuk maklumat dan rujukan anda sahaja. OCBC Bank tidak menjamin kebergunaan atau kecukupan maklumat yang diberikan dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang akibat yang timbul daripada mempercayai sebarang pendapat atau kenyataan yang terkandung di sini atau ke atas mana-mana pengeluarannya. Terma dan Syarat yang lebih terperinci bagi **Akaun 360 OCBC** ini dinyatakan dalam Perkhidmatan dan Akaun Bank – Terma dan Syarat Utama dan Terma dan Syarat lain yang diguna pakai untuk produk ini (jika ada) yang boleh didapati di cawangan OCBC Bank dan di laman web OCBC Malaysia. Lembaran Maklumat Produk ini adalah sulit dan tidak boleh dikeluarkan semula (secara penuh atau sebahagian) kepada sesiapa sahaja tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada OCBC Bank terlebih dahulu.

V22/Ogos2023